

## **BAB 5**

# **PERBINCANGAN AM**

## BAB 5

### PERBINCANGAN AM

Menurut Carey (1976), masyarakat Orang Asli adalah merupakan bangsa yang paling mundur dari segi ekonomi dan sosial berbanding dengan bangsa lain di Semenanjung Malaysia. Hampir keseluruhan daripada mereka pada masa itu tinggal jauh di dalam hutan yang tebal dan amat sukar untuk dihubungi. Kebanyakannya mendirikan penempatan di kawasan berhampiran sungai yang terletak di kaki-kaki banjaran. Terdapat juga di antara mereka yang masih menggunakan cawat untuk menutupi badan, berpegang kuat kepada kepercayaan nenek moyang dan berasa takut serta malu untuk berjumpa dan berinteraksi dengan masyarakat luar. Mereka mendapatkan barang seperti pisau, parang, lain-lain peralatan besi, gula dan garam melalui pertukaran hasil hutan dengan penduduk tempatan yang berhampiran. Kemunduran taraf hidup, pemencilan tempat tinggal dan kesukaran untuk dihubungi telah menyebabkan mereka menjadi tersisih daripada masyarakat lain dan juga tidak dapat menikmati pembangunan negara.

Pada masa sekarang keadaan ini telah berubah, ke semua tapak kajian kecuali Musoh dan Gedong tidak lagi di kelilingi hutan tebal dan di penempatan mereka telah boleh dihubungi oleh kenderaan seperti motosikal, kenderaan pacuan empat roda dan kereta. Tahap ekonomi dan sosial juga telah meningkat kerana mereka telah mengetahui nilai wang dan kepentingannya sebagai kuasa untuk memperolehi barang keperluan moden.

Secara keseluruhannya, semua masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia kini telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk turut serta menikmati pembangunan negara setanding dengan bangsa yang lain.

Di semua tapak kajian, kerajaan telah menyalurkan beberapa bantuan yang diselenggarakan oleh pihak JHEOA. Mereka telah mendapat rawatan kesihatan percuma daripada pegawai kesihatan yang terlatih untuk memberikan rawatan serta bimbingan mengenai kebersihan dan penjagaan kesihatan di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan. Beberapa orang penduduk daripada setiap perkampungan telah diberi bantuan kayu-kayu untuk membina rumah yang lebih sempurna. Kerajaan juga telah mendirikan sekolah untuk memberikan pelajaran percuma kepada kanak-kanak Orang Asli ini dalam usaha untuk membentuk generasi yang berilmu. Mereka telah diberikan bantuan baju, buku dan peralatan sekolah lain termasuk makanan tambahan percuma oleh Kementerian Pelajaran.

Pada umumnya semua masyarakat Asli yang telah dikaji ini menjalankan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama di samping memungut hasil hutan dan memburu binatang. Menurut Raffie (1973) secara umumnya masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia terlibat dengan aktiviti pertanian pindah, mengumpulkan hasil hutan dan memburu. Begitu juga bagi pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Skeat dan Blagden (1906), Schebesta (1972), Dentan (1964), Carey (1976) dan Endicott (1977), mereka juga menyatakan bahawa masyarakat Asli ini terlibat dengan bentuk ekonomi tradisional

Endicott (1977) menyatakan bahawa Orang Senoi pada amnya merupakan masyarakat Asli yang hidup sebagai petani pindah. Mereka menanam padi bukit, ubi kayu, jagung dan sayur-sayuran. Selain daripada itu, mereka juga memburu, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan sebagai pekerjaan sampingan. Masyarakat Asli di Musoh, Gedong

terdiri dari suku kaum Semai dan Kemar dari suku kaum Temiar. Ketiga-tiga masyarakat ini adalah dari bangsa Senoi. Mereka masih menjalankan pertanian jenis pindah dengan menggunakan kaedah pertanian tradisional. Pertanian pindah yang dimaksudkan ialah mereka mengerjakan ladang pada satu-satu tapak, selepas beberapa tahun mereka akan berpindah ke tapak pertanian yang baru. Penukaran ladang ini akan dilakukan beberapa kali sehinggalah mereka kembali semula ke tapak ladang yang pertama dahulu selepas beberapa tahun akan datang. Penggunaan ladang yang sama secara bergilir-gilir dijalankan oleh setiap keluarga dalam komuniti tersebut.

Mereka juga tidak menggunakan baja kimia untuk menambah kesuburan tanah tetapi hanya bergantung pada kesuburan tanah semulajadi. Menurut Kunstader (1978), pada amnya tanah hutan mempunyai kandungan mineral yang tinggi yang kebanyakannya terhasil daripada pereputan daun dan batang pokok serta haiwan yang telah mati. Bagaimanapun kaedah pembukaan dan pembersihan tanah yang melibatkan proses pembakaran telah menyebabkan banyak unsur mineral ini hilang. Selain daripada itu, ia juga mendedahkan tanah tersebut kepada hakisan apabila berlaku hujan yang juga akan mengurangkan kandungan mineral yang penting untuk pertumbuhan pokok. Oleh kerana itu kaedah penukaran ladang secara bergilir-gilir pada musim pertanian seterusnya adalah penting untuk menjamin hasil pertanian yang maksimum bagi memenuhi keperluan keluarga pada setiap tahun. Penukaran ladang ini dilakukan apabila ladang yang sedang diusahakan itu telah tidak subur lagi. Ketidaksuburan tanah ditunjukkan oleh hasil pertanian yang semakin berkurangan.

Ladang-ladang dibuat pada tanah yang terletak di lereng bukit dan diusahakan secara berkeluarga iaitu satu ladang untuk satu keluarga. Aktiviti pertanian biasanya

dimulakan pada bulan Jun ataupun Julai iaitu pada musim panas dengan membuka dan membersihkan tanah. Pokok-pokok besar dan sederhana ditebang, kemudian dibiarkan kering sebelum dibakar bagi menghapuskan daun dan ranting serta pokok-pokok yang kecil yang lain. Batang dan ranting pokok yang tinggal selepas pembakaran kemudiannya dihimpunkan untuk dijadikan bahan bakar bagi tujuan memasak dan memanaskan badan semasa mereka menjaga ladang tersebut sepanjang tempoh pertanian. Di samping itu mereka juga mendirikan pondok sebagai tempat penginapan sementara bagi memudahkan pengurusan ladang kerana ladang yang diusahakan biasanya terletak jauh dari kawasan perkampungan.

Pada akhir bulan Ogos iaitu memasuki musim hujan mereka akan mula menabur benih terutamanya padi bukit yang merupakan tanaman makanan utama. Selain daripada itu mereka juga menanam jagung, ubi kayu, keladi, lada dan pisang sebagai makanan sampingan sementara menunggu padi sedia untuk dituai. Pada awal pertumbuhan padi dan jagung kerja-kerja merumput untuk membuang rumput dilakukan. Ini adalah penting bagi memastikan tumbuhan tersebut dapat membesar dengan baik dan memberikan hasil yang maksimum. Padi biasanya matang dan akan dituai pada bulan Januari atau Februari pada tahun berikutnya.

Selepas itu mereka akan berpindah semula ke perkampungan untuk berehat tetapi akan datang sekali sekala ke ladang tersebut untuk mengambil ubi dan lada yang mengeluarkan hasil sepanjang tahun. Aktiviti pertanian akan dijalankan semula pada bulan Jun akan datang. Beras dan lain-lain tanaman yang dihasilkan daripada ladang yang telah diusahakan dapat menampung hampir keseluruhan keperluan keluarga sepanjang tahun.

Masyarakat Asli di Peta (Jakun) dan Fort Iskandar (Semelai) adalah daripada bangsa Melayu Asli. Mereka mengusahakan ladang yang ditanam dengan tanaman komersial seperti getah, kelapa sawit, koko dan buah-buahan sebagai pekerjaan utama. Hasilnya dijual ke pasaran luar untuk menambah pendapatan. Selain daripada itu mereka juga menanam ubi kayu, lada, keladi, pisang dan kadang kala padi bukit sebagai tanaman sampingan untuk kegunaan sendiri. Pekerjaan memungut hasil hutan dan memburu telah semakin berkurangan akibat daripada ketiadaan hutan di persekitaran tempat tinggal dan pewartaan hutan sebagai Hutan Simpan Taman Negara yang telah menghadkan atau menghalang sebarang bentuk pengambilan sumber hutan kecuali untuk kegunaan sendiri.

Bagi masyarakat Asli di Air Bah (Lanoh) dan Aring (Batek) daripada bangsa Negrito pula yang masih lagi mengamalkan cara hidup berpindah randah, bercucuk tanam adalah merupakan pekerjaan sampingan. Mereka tidak mengusahakan ladang tetapi hanya menanam ubi kayu, pisang, keladi, keledek dan terung di sekitar kawasan rumah sahaja. Menurut Evans (1925), masyarakat Asli bangsa Negrito tidak menjalankan sebarang bentuk pertanian. Mereka bergantung sepenuhnya kepada hutan sebagai pembekal bahan makanan, akar, pucuk, buah-buahan dan ikan.

Pekerjaan memburu binatang seperti pelanduk, kijang, babi hutan, monyet, burung dan lain-lain juga penting terutamanya bagi penduduk di Musoh, Gedong dan Kemar. Pekerjaan ini hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja dengan menggunakan perangkap, jerat dan sumpitan. Bagi penduduk di Peta aktiviti memburu adalah terhad kerana tertakluk kepada undang-undang pihak Taman Negara yang melarang mereka memburu kecuali dengan permit. Jika berburu mereka tidak lagi menggunakan kaedah tradisional tetapi menggunakan senapang. Bagi penduduk di Air Bah dan Fort Iskandar, ketiadaan hutan

berhampiran tempat tinggal mereka telah menyebabkan pekerjaan berburu ini terpaksa ditinggalkan. Selain berburu, mereka juga memelihara ayam dan kambing sebagai binatang ternakan serta menangkap ikan di sungai-sungai ataupun tasek berdekatan. Kaedah menangkap ikan yang diamalkan adalah dengan menggunakan bubi, jala, pancing dan tuba. Di Fort Iskandar, kaum lelakinya juga mencari ular dan labi-labi untuk dimakan dan dijual bagi menambah pendapatan.

Pekerjaan mencari dan menjual hasil hutan juga dilakukan oleh masyarakat Asli yang dikaji ini untuk menambah pendapatan. Ia merupakan pekerjaan utama bagi masyarakat Orang Asli di Air Bah dan Aring dan menjadi punca pendapatan sampingan bagi masyarakat Asli yang lain. Hasil-hasil hutan utama yang dijual kepada peraih adalah rotan. Jenis dan kuantiti rotan yang dipungut biasanya berdasarkan kepada permintaan peraih. Di samping itu mereka juga menjual tumbuh-tumbuhan ubatan, beberapa orang penduduk di Air Bah dan Peta menjadikan pekerjaan menjual tumbuhan perubatan sebagai punca pendapatan utama. Tumbuhan perubatan yang dijual biasanya untuk mengubati penyakit kencing manis, batu karang, untuk memudahkan wanita hamil dan yang digunakan selepas bersalin serta untuk mengembali tenaga batin bagi lelaki dan wanita.

Buah-buahan hutan seperti tampoi, petai, kerdas dan durian hutan juga dijual untuk menambah pendapatan. Walau bagaimanapun ia hanya boleh didapati mengikut musim. Selain daripada itu, penduduk Asli di Kemar, Musoh dan Gedong juga menjual gaharu manakala penduduk Asli di Peta, Aring dan Fort Iskandar pula menjual damar keruing.

Kini jumlah hasil hutan yang boleh didapati terutamanya rotan dan buah-buahan menjadi semakin berkurang dan seterusnya telah menjelaskan pendapatan mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh dua faktor. Pertama ialah pengambilan berlebihan

terutamanya rotan dalam kuantiti yang banyak untuk memenuhi permintaan pasaran luar yang semakin meningkat sehingga menjasakan bekalan untuk masa akan datang. Bilangan pokok rotan yang bernilai ekonomi semakin berkurangan dan kadang kala menyebabkan beberapa spesies yang biasa diambil menjadi pupus. Kedua adalah disebabkan oleh pembukaan hutan secara besar-besaran oleh agensi kerajaan di kawasan persekitaran tempat tinggal mereka telah melenyapkan keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang bukan sahaja diambil untuk dijual tetapi juga tumbuhan untuk makanan dan untuk kegunaan lain. Kawasan hutan yang tinggal terletak jauh daripada kawasan penempatan telah menyukarkan pengambilan tumbuhan tersebut.

Akibat daripada ketiadaan hutan untuk meneruskan pekerjaan tradisional mereka iaitu bercucuk tanam, memburu serta memungut dan menjual hasil hutan untuk memenuhi keperluan seharian, beberapa orang penduduk terutamanya belia yang berpelajaran di Aring, Peta, Air Bah, Kemar dan Fort Iskandar telah melakukan beberapa pekerjaan lain. Antaranya adalah bekerja sebagai buruh kilang, pembantu kedai dan pasaraya, bekerja dengan syarikat pembalakan, peniaga barang runcit, mengusahakan bengkel membaiki motosikal dan menceburi bidang pelancongan. Kaum wanitanya pula mengayam tikar dan beberapa kraftangan lain seperti bakul, bekas mengisi barang dan topi untuk dijual kepada pelancong yang datang ke penempatan mereka ataupun dijual di pekan terdekat. Selain daripada itu, mereka juga digalakkan menyertai rancangan pertanian moden seperti menanam getah, kelapa sawit, kopi dan koko.

Zainal (1987), telah mengkategorikan pekerjaan masyarakat Orang Asli seperti berikut iaitu pekerjaan tradisi (pertanian pindah, memburu, mengumpul hasil hutan menangkap ikan), menanam tanaman komersial (getah, kopi, kelapa sawit), bekerja di

institusi kerajaan iaitu di Jabatan Kesihatan, Jabatan hal Ehwal Orang Asli, Radio Televisyen Malaysia, sebagai Polis dan di intistusi swasta iaitu di kilang, estet, kontrak dan sebagainya.

Dari segi penggunaan tumbuhan di dalam kehidupan sehari-hari masyarakat ini pula, didapati kebanyakan spesies tumbuhan yang telah direkodkan hanya digunakan untuk satu kategori sahaja samada sebagai makanan, perubatan, pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan. Sebilangan besar daripada tumbuh-tumbuhan ini juga hanya digunakan satu daripada bahagiannya sahaja iaitu samada daun, akar, buah, batang, bunga, ubi atau rizom.

Walaubagaimana pun terdapat beberapa spesies tumbuhan yang digunakan untuk lebih daripada satu kategori oleh sesebuah masyarakat Asli. Spesies *Carica papaya*, *Merremia peltata*, *Dioscorea hispida*, *Albizia myriophylla*, *Archidendron jiringa*, *Ficus fistulosa*, *Psidium guajava*, *Pentaphragma begonifolium*, *Uncaria gambir*, *Citrus hystrix*, *Boesenbergia prainiana* dan *Zingiber officinale* var. *red* digunakan sebagai makanan dan juga untuk perubatan. Bagi spesies *Lagenaria vulgaris*, *Dioscorea piscatorum*, *Dioscorea* sp., *Manihot esculenta*, *Artocarpus elasticus*, *Scorodocarpus borneensis*, *Arenga* sp. dan *Eugeisonna tristis* digunakan oleh mereka sebagai makanan dan juga untuk pertukangan/ pelbagaiguna.

Terdapat juga di antara spesies tumbuhan ini yang digunakan sebagai makanan, perubatan, pertukangan/perlbagaiguna. Spesies-spesies tersebut ialah *Tectaria indica*, *Calamus manan* dan *Licuala* sp. . Spesies *Staurogyne* sp., *Goniothalamus* sp., *Acorus calamus* dan *Ocimum sanctum* digunakan untuk perubatan dan kepercayaan. *Zingiber* sp. b digunakan rizomnya untuk tujuan perubatan, kepercayaan dan pertukangan/pelbagaiguna. Bagi spesies *Durio zibethinus* digunakan dalam kategori makanan, perubatan dan

kepercayaan, *Artocarpus lanceifolius* digunakan sebagai makanan dan juga untuk kepercayaan. *Macaranga tanaria* digunakan untuk perubatan dan pertukangan/pelbagaiguna. Manakala spesies *Aquilaria malaccensis* pula digunakan dalam kategori pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan.

Terdapat juga beberapa spesies tumbuh-tumbuhan lain yang digunakan lebih daripada satu bahagian untuk tujuan penggunaan yang berbeza. Spesies-spesies tersebut ialah *Durio zibethinus*, *Curculigo latifolia*, *Phrynum capitatum*, *Artocarpus heterophyllus* dan *Psidium guajava* yang digunakan bahagian daun dan buah. *Carica papaya* pula digunakan bahagian buah, daun dan petiol. Bagi *Manihot esculenta*, bahagian yang digunakan ialah daun dan ubi. *Archidendron kunstleri* pula digunakan bahagian buah dan akar. *Labisia pothoina* digunakan bahagian batang, akar, daun dan buah. Spesies daripada famili Palmae iaitu *Caryota mitis*, digunakan bahagian umbut, batang, kapas dan daunnya manakala *Eugeissona tristis*, *Licuala* sp. dan *Pinanga* sp. digunakan bahagian buah, batang, daun dan juga akar. Bagi spesies *Eurycoma longifolia*, mereka menggunakan bahagian kulit akar dan batangnya. Beberapa spesies daripada famili Zingiberaceae iaitu *Alpinia rafflesiana* dan *Zingiber puberulum* digunakan bahagian buah dan rizom, *Anomum* sp. pula digunakan bahagian buah dan daun. Bagi spesies *Globba patens*, bahagian yang digunakan ialah rizom dan bunga, *Zingiber officinale* var. *red* pula digunakan bahagian rizom dan daun manakala spesies *Zingiber spectabile* digunakan bahagian jambak bunga dan rizomnya.

Terdapat dua spesies sahaja iaitu *Labisia pothoina* dan *Licuala* sp., digunakan ke empat-empat bahagian tumbuhan tersebut iaitu daun, batang, buah dan akar untuk tujuan samada sebagai makanan, perubatan ataupun pertukangan/pelbagaiguna. Hanya satu

spesies iaitu *Caryota mitis* yang digunakan untuk ke empat-empat kategori iaitu sebagai makanan, perubatan, pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan.

Tumbuh-tumbuhan yang dijadikan makanan kebanyakannya diambil daripada bahagian daun atau pucuk muda dan buah. Terdapat juga beberapa spesies yang dimakan bahagian rizom, ubi dan batangnya. Bagi kategori tumbuhan perubatan pula, kebanyakannya spesies tumbuhan ini diambil daripada bahagian akar dan daun, hanya sedikit sahaja spesies yang digunakan bahagian buah dan bunganya. Tumbuh-tumbuhan yang digunakan untuk pertukangan atau pelbagaiguna pula, kebanyakannya diambil daripada bahagian batang dan daun. Hampir ke semua spesies tumbuhan yang digunakan untuk kategori kepercayaan diambil daripada bahagian daunnya, hanya beberapa spesies sahaja yang digunakan bahagian batang dan bunga. Huraian lengkap mengenai cara penyediaan setiap spesies tumbuhan yang telah direkodkan terdapat pada muka surat 215-331.

Jumlah tumbuh-tumbuhan berguna yang telah diperolehi di setiap tapak kajian telah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor yang utama ialah jumlah hutan yang terdapat di persekitaran tapak kajian tersebut. Di Musoh dan Gedong, penempatan mereka masih lagi di kelilingi hutan. Mereka boleh mendapatkan tumbuh-tumbuhan dengan mudah serta kepelbagaiaan spesies yang tinggi. Di Kemar, Air Bah, Peta dan Aring, sebahagian daripada hutannya telah dibalak dan diganti dengan getah dan kelapa sawit. Penerokaan hutan telah mengurangkan spesies tumbuhan berguna yang sering digunakan. Kedudukan hutan yang jauh dari kawasan penempatan juga telah menyukarkan mereka untuk mendapatkan bekalan tumbuhan yang diperlukan. Penerokaan hutan secara keseluruhan di Fort Iskandar telah menunjukkan jumlah tumbuh-tumbuhan berguna yang diperolehi adalah paling sedikit.

Kesan sampingan lain yang berlaku akibat daripada aktiviti penerokaan hutan ini adalah mengurangkan tapak untuk pertanian, mengurangkan kelembapan tanah, mengeringkan sungai yang merupakan sumber air utama untuk saliran dan keperluan harian dan juga telah mengganggu habitat semulajadi hidupan liar terutamanya gajah dan babi hutan yang merupakan binatang perosak tanaman. Kemasuhan akibat penerokaan ini juga telah menyebabkan generasi muda masyarakat ini tidak dapat mengenali spesies-spesies tumbuhan berguna dan seterusnya pengetahuan mengenai tumbuh-tumbuhan tersebut tidak dapat diwarisi. Keadaan ini telah mengurangkan penggunaan tumbuhan di dalam kehidupan masyarakat Asli yang dikaji. Kesan lain yang timbul ialah pencemaran air sungai akibat daripada penggunaan racun rumpai dan serangga telah menjelaskan kesihatan masyarakat yang dikaji ini.

Selain daripada itu, pengambilan sumber hutan secara berlebihan bagi beberapa spesies yang bernilai komersial seperti rotan, akar dan batang pokok untuk dijual kepada peraih bagi menambah sumber pendapat telah menyebabkan spesies berkenaan mati, tidak dapat membiak dan pupus.

Pembinaan jalan yang menghubungkan perkampungan Orang Asli yang dikaji ini dengan pekan dan persekitaran luar yang lebih maju telah juga mempengaruhi cara hidup dan mengurangkan penggunaan tumbuhan oleh masyarakat berkenaan. Di Kemar, Air Bah, Aring, Peta dan Fort Iskandar, beberapa orang penduduknya mempunyai motosikal yang digunakan untuk berulang-alik ke pekan terdekat untuk mendapatkan barang keperluan. Jalan tersebut telah membolehkan mereka membeli makanan dan alat pekerjaan moden daripada kedai.

Penggantian penggunaan bahan makanan dan barang keperluan lain yang berasal daripada tumbuhan kepada barang moden juga telah mempengaruhi data yang telah diperolehi di setiap tapak kajian. Bahan-bahan makanan segera, perkakas untuk memasak seperti periuk, kuali dan bekas mengisi air serta makanan, peralatan untuk pekerjaan dan pertukangan seperti parang, cangkul, paku, papan dan sebagainya boleh dibeli dalam kuantiti yang banyak dan sedia untuk digunakan.

Penggunaan alat pandang dengar iaitu radio dan televisyen secara tidak langsung telah memberikan mereka maklumat mengenai penggunaan barang moden dan cara kehidupan yang lebih maju berbanding dengan kehidupan tradisional. Rajmah (1971), menyatakan bahawa radio dan televisyen merupakan saluran yang ‘membuka mata’. Massa media ini telah menambahkan pengetahuan, mengubah sikap dan pandangan masyarakat Asli yang dikaji terhadap sesuatu dan seterusnya telah mempercepatkan perubahan. Begitu juga pengaruh daripada sektor pelancongan dan pertukaran kepercayaan telah mengurangkan jumlah tumbuhan yang digunakan. Semua faktor ini telah mengurangkan kebergantungan masyarakat Asli yang dikaji terhadap tumbuh-tumbuhan.